

03 JUN 2002

Mahathir-India

MAHATHIR MINTA INDIA-PAKISTAN SELESAI PERTIKAIAN DI MEJA RUNDINGAN

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pertikaian antara India dan Pakistan berhubung isu Kashmir perlu diselesaikan di meja rundingan dan bukannya melalui konfrontasi.

"Kita tidak bersetuju dengan cara perang, dengan cara konfrontasi. Kita bersetuju dengan cara rundingan.

"Jadi kalau nak tanya pendapat Malaysia, saya mintalah supaya mereka berunding," katanya kepada pemberita selepas persidangan serantau ulung kali Union Network International-Asia Pacific Regional Organisation (UNI-APRO) di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas situasi yang dilaporkan semakin meruncing serta dibayangi dengan penggunaan senjata nuklear oleh kedua-dua negara jiran itu, yang telah tiga kali berperang sejak Britain membahagikan benua kecil itu kepada penganut Hindu di India dan Islam di Pakistan pada 1947.

Perdana Menteri berkata jika New Delhi dan Islamabad menemui jalan buntu dalam usaha menyelesaikan masalah mereka, kedua-dua pihak wajar membawa masuk orang ketiga untuk membantu mencari penyelesaian.

Menjawab pertanyaan, Dr Mahathir berkata pihak ketiga itu mungkin Amerika Syarikat, Rusia atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Beliau juga menasihatkan rakyat Malaysia yang berada di India dan Pakistan supaya pulang ke tanah air untuk mengelak daripada menghadapi sebarang kesusahan jika berlaku perang.

"Kalau nampak nak ada perang, baliklah (ke Malaysia)," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu kenyataan semalam berkata semua anggota keluarga diplomat dan kakitangan di India dan Pakistan dinasihatkan pulang ke Malaysia secepat mungkin ekoran konflik yang semakin memuncak di benua kecil itu.

Menjawab pertanyaan lain, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bercadang membuka kemasukan ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) kepada bukan bumiputera.

-- BERNAMA

MAM MFJ NAK